



**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

### **KES KERETAKAN TIANG DI PANGSAPURI BLOK 5 TAMAN PERMATA, DENGKIL PADA 11 JUN 2013**

---

**Kuala Lumpur, Khamis, 13 Jun 2013** – Pada lebih kurang jam 10.30 malam, 11 Jun 2013 yang lalu, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah menerima laporan dari JKR Daerah Sepang bahawa berlaku keretakan ketara kepada tiang di Pangsapuri Blok 5, Taman Permata, Dengkil. JKR Daerah Sepang juga memaklumkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Sepang telah memohon bantuan JKR untuk menentukan tahap keselamatan pangsapuri berkenaan. Sebagai langkah berjaga-jaga, pihak Majlis Perbandaran Sepang telah melaksanakan pengungsian sementara Pangsapuri Blok 5 di mana lebih kurang 80 keluarga telah terlibat.

Pasukan Forensik dari Ibu Pejabat JKR Malaysia telah tiba di tapak kejadian pada sebelah pagi 12 Jun 2013 untuk menjalankan pemeriksaan dan menentukan tahap keselamatan pangsapuri berkenaan.

Dari pemeriksaan tersebut, didapati keretakan yang berlaku adalah terencil di mana kebanyakan tiang tidak mengalami sebarang kerosakan. Pemeriksaan terhadap rasuk konkrit juga tidak menemui sebarang keretakan yang boleh dikategorikan sebagai berpunca dari kelemahan struktur. Walau bagaimana pun, keretakan yang berpunca dari pengaratan tetulang keluli telah ditemui di bahagian tertentu pangsapuri.

Hasil dari pemeriksaan tersebut, pihak JKR mendapati pangsapuri berkenaan adalah selamat untuk didiami. Kerosakan yang telah berlaku adalah tidak menyeluruh dan tidak mencapai tahap yang boleh mengancam kestabilan pangsapuri berkenaan. Namun begitu, kerja pembaikan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan kemerosotan selanjutnya berlaku terhadap struktur pangsapuri.

Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah dimaklumkan keputusan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh pihak JKR.

**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kerja Raya Malaysia**  
**13 Jun 2013**